

Headline	Amidlina Enterprise luaskan pasaran herba mas cotek		
Date	08. Sep 2008	Language	MALAY
Media Title	Sinar Harian	Page No	18
Section	Bisnes	Article Size	257 cm2
Circulation	0	Frequency	Daily
Readership	0	Color	Full Color
		AdValue	



Amidlina Enterprise luaskan pasaran herba mas cotek



Abdul Hamid bersama produk herba mas cotek keluaran Amidlina Enterprise yang bakal diperluaskan ke seluruh negara mulai tahun depan.

PENGELUAR produk teh herba mas cotek, Amidlina Enterprise bakal memperluaskan pasarnya ke seluruh negara seawal-awalnya pada tahun depan.

Pada masa ini, ia sudah menembusi pasaran di beberapa kawasan seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, menurut Pengusahanya, Abdul Hamid Adam, pihaknya mensasarkan peningkatan bilangan pengedar sekurang-kurangnya 20 pengedar menjelang akhir tahun.

"Saya percaya ia bakal memberikan keuntungan agresif kerana permintaan masyarakat tempatan terhadap mas cotek akan meningkat seperti tongkat ali.

"Secara tidak langsung, strategi pemasaran membantu produk ini untuk menembusi pasaran antarabangsa," katanya kepada Sinar Harian, baru-baru ini.

Amidlina Enterprise menjual

produk herba mas cotek atau nama saintifiknya 'Ficus Deltoiden Jack' yang memberi kesan untuk mengekalkan kesihatan berpanjangan.

Bermodalkan RM30,000 dengan bantuan pelbagai pihak, Abdul Hamid memulakan jualan daun mas cotek yang sudah dikeringkan dalam pembungkusan plastik.

Ia kemudian dinaiktaraf dalam bentuk teh uncang termasuk jenis kapsul bagi memberi kepelbagaian pilihan dan penggunaan yang lebih mudah kepada pengguna.

"Pembungkusan baru yang dilaksanakan pada akhir tahun 2005 itu membabitkan peruntukan sebanyak RM20,000.

"Alhamdulillah, perolehan pendapatan untung kasar bulanan mencatatkan lebih RM15,000 dan kami mensasarkan peningkatan sebanyak 20 peratus pada setiap tahun," katanya.

Menurut Abdul Hamid, pihaknya menerima bantuan daripada Institut

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menambah nilai komersial pada produk.

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh FRIM, mas cotek keluaran Amidlina Enterprise berpotensi kerana mempunyai

antiradang, anti oksigen, antimikrob, pencerah kulit dan pengawet.

Terdahulu, Amidlina Enterprise menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2008 di Serdang, Selangor.

"Sempena MAHA 2008, kami mendapat pengiktirafan bagi peringkat kedua dalam kategori hasil pertanian (pemprosesan) bagi minuman herba pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2008," katanya.